


Headline	Teh belimbing gunung		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	630 cm <sup>2</sup>
Journalist	NOOR AINULYAKIN ISHAK	AdValue	RM 10,746
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,238



# Teh belimbing gunung

Produk pertama di Malaysia dengan kerjasama FRIM

## PRODUK INOVASI

NOOR AINULYAKIN ISHAK

TEH daripada belimbing gunung, kedengaran sedikit janggal dalam kalangan masyarakat, namun sebenarnya banyak khasiatnya dalam membantu kesihatan badan terutama membuang angin dalam badan.

Belimbing gunung atau nama saintifiknya, *chebolic myrobalan* juga dikenali sebagai buah harra, kini dijadikan sebagai minuman kesihatan oleh syarikat Nature Herbs Industries & Marketing, menerusi produknya sulungnya, Teh Hajra.

Ketua Pemasarannya, Amirul Syafiq Azman berkata, ia adalah teh pertama di negara ini diilhamkan oleh kedua ibu bapanya, Azman Mohamad dan Norzaila Hussin yang mengamalkan buah itu sebagai minuman kesihatan sejak 2010.

"Sebelum ini, bapa saya mengalami pelbagai masalah kesihatan termasuk kembung perut. Apabila mengamalkan minuman itu, dia merasai tindak balas positif iaitu kekerapan membuang air besar dan kecil serta membuang angin.

"Bertitik tolak daripada itu, kami sekeluarga melihat buah tersebut sangat unik dan mempunyai potensi untuk dikomersialkan sebagai produk minuman harian," katanya.

Amirul Syafiq berkata, dengan bermodalkan RM2,000, mereka pada mulanya menjual buah tersebut secara run-cit di beberapa lokasi terpilih.



Buah belimbing gunung atau nama saintifiknya, *chebolic myrobalan*.



"Alhamdulillah sambutan yang diterima amat menggalakkan dan bermula 2011, kami mula menghasilkan uncang buah belimbing gunung yang dikisar dan pada pertengahan 2012, kami mendapat bantuan geran pertama dari Mara bernilai RM4,900.

"Seterusnya kami mula menempah kotak buat kali pertama dan menambah peralatan promosi. MAHA 2014 merupakan tahun pertama Teh Hajra diperkenalkan secara meluas dan jualan sepanjang tempoh 10 hari mencecah RM30,000," katanya.

### Labur RM10,000 dengan sembilan makmal

Antara kebaikan Teh Hajra, Amirul Syafiq berkata, mengandungi beberapa kandungan asid yang terdapat pada buah itu sendiri.

"Antaranya, tannin (membantu mengawal keseimbangan hormon yang dihasilkan oleh limpa), gallic acid (membantu mencegah dan memberi manfaat kesihatan kepada mereka yang berisiko untuk mendapatkan gangguan Buasir dan luar Haid tidak teratur), dan Mucilage (memudahkan pembuangan air besar dan membantu mengawal kolesterol).

"Sifat-sifat keasidan inilah yang membantu dan menjadikan Teh Hajra atau Minuman Buah Harra produk terbaik dan mendapat permintaan ramai," katanya.

Menurutnya, sebagaimana dinyatakan, sifat asid yang ada dalam kandungan buah tersebut amat unik dan terbaik serta mempunyai kesan pemulihan yang cepat.

"Sebab itu, kesan paling awal adalah dalam tempoh 10 minit, iaitu kita akan mula sendawa kerana ia membantu membuang angin yang terperangkap dalam usus. Malah slogan kami juga sesuai dengan sifatnya yang membuang angin dalam badan," katanya.

Amirul Syafiq berkata, sejak mula mengeluarkan produk, mereka telah melakukan ujian makmal dengan sebuah makmal di utara tanah air, dan pada tahun 2015, mengumpul dana melakukan ujian makmal dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim).

"Kami telah membelanjakan lebih daripada RM10,000 untuk sembilan ujian makmal dengan Frim termasuk ujian ke atas haiwan. Insy-ALLAH produk kami selamat untuk diambil dan diamalkan.

"Kami juga mendapat bantuan geran penuh bernilai RM133,000 untuk pembelian mesin proses dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, mendapat geran bernilai RM20,000 dari Majlis Amanah Raya (Mara) Negeri Sembilan untuk

Inovasi teh dari belimbing gunung atau dikenali buah harra membantu masalah angin dalam badan.

pembangunan dan penjenamaan produk serta mendapat bantuan kewangan dari Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) Nasional bernilai RM100,000," katanya.

### Sesuai semua peringkat usia

Selain itu, Amirul Syafiq berkata, Teh Hajra amat sesuai diambil oleh semua peringkat usia bermula setahun ke atas.

"Tetapi, perlu diingat, minuman buah harra bukanlah ubat tetapi minuman ke-segaran dan dalam masa yang sama membantu mengatasi penyakit dalam badan kita.

"Tiada dosej tertentu yang ditekankan di sini, kita hanya perlu rendam satu uncang dengan dua liter air panas dan diambil atau diamalkan setiap hari selepas pengambilan makanan," katanya. Sekotak Teh Hajra dengan isian 30 uncang berharga RM35.90.

Pun begitu, Amirul Syafiq berkata, selain teh daripada belimbing gunung, syarikat turut mengeluarkan minuman kopi pracampur iaitu Kopi Harra Barli dan makanan tambahan berasaskan madu iaitu Madu Tualang dan Spirulina.



Amirul Syafiq bersama produk daripada belimbing gunung.